

# Jemaah haji penerbangan kedua selamat kembali

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 29 Ogos. - Jemaah haji Negara Brunei Darussalam bagi penerbangan kedua selamat kembali ke tanah air kira-kira jam 8.17 malam ini.

Kaum keluarga dan sanak saudara serta sahabat handai jemaah haji yang berada di ruang legar Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini, sudah setentunya menantikan kepulangan jemaah haji penerbangan kedua yang menaiki pesawat Diraja Brunei BI 4216.

Jemaah haji berkenaan telah mengikuti Operator Haji, Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad yang membawa seramai 101 jemaah haji dan seramai 150 jemaah haji daripada Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd., serta diiringi oleh tiga pegawai dari Maktab Urusan Haji Perubatan yang membawa jumlah

keseluruhan seramai 254 orang. Ketibaan jemaah haji dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan isteri; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar dan isteri; serta Pemangku Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman dan isteri.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan isteri; Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Hussain Mohammed M. Al Dajani; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama

(KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff dan isteri; Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Dayang Hajah Dayang Siti Norishan binti Haji Awang Abdul Ghafor; Timbalan Pesuruhjaya Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Seri Pahlawan Awang Mohammad Irwan bin Haji Hambali selaku wakil Pesuruhjaya PPDB; Timbalan Setiausaha Tetap (Professional) Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang dan isteri; Pengarah-pengarah, Penolong-penolong Pengarah; Pegawai-pegawai Kanan KHEU dan Pengarah-pengarah Urusan Syarikat Pengendali Pakej Haji.

Sejurus ketibaan, Doa Selamat telah dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' Asr



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar; Pemangku Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; dan Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Hussain Mohammed M. Al Dajani** mengalu-alukan ketibaan jemaah haji Negara Brunei Darussalam bagi penerbangan kedua.

Hassanil Bolkiyah, Awang Abd. Aziz bin Haji Abdullah. Penerbangan rombongan

jemaah haji ketiga dijadjka pulang ke tanah air pada 31 Ogos 2018.

## Kendalikan program, berikan sumbangan, rancang kegiatan



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin (dua, kiri) selaku Pengerusi Lembaga Penasihat Rabithah Antarabangsa Alumni al-Azhar Brunei Darussalam pada Mesyuarat Agung Pertama Antarabangsa Alumni al-Azhar Brunei Darussalam.**

**GADONG,** Jumaat, 31 Ogos. - Rabithah Antarabangsa Alumni al-Azhar Brunei Darussalam mengadakan Mesyuarat Agung Pertama, bertempat di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Terdahulu sebelum mesyuarat agung, pemilihan bagi Ahli Jawatankuasa Eksekutif Rabithah diadakan.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang

Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff, selaku Ra'ees Rabithah pertama.

Beliau antara lain berharap persatuan ini bergerak ke depan mengendalikan beberapa program berbentuk wacana ilmu dan memberikan sumbangan khidmat kemasyarakatan serta merancang beberapa kegiatan dan projek semasa, jangka masa pendek dan panjang, berkonsepkan pembangunan ummah, mencakupi sudut keilmuan, rohani, budaya, sosial dan ekonomi.

Sehubungan itu, Menteri Hal

Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Lembaga Penasihat Rabithah Antarabangsa Alumni al-Azhar Brunei Darussalam dalam ucapannya menekankan usaha menubuhkan Rabithah ini merupakan inisiatif yang sangat penting.

"Ia menepati taraf negara kita yang berdaulat di kalangan negara-negara dan masyarakat antarabangsa. Krana dengan tarafnya itu tidak setakat memberikan kita taraf atau status rakyat negara berdaulat, bahkan men'aklifik' kita - 'aklifik' ainiyan au kifaa'iyah' - untuk berusaha menjayakan aspirasi kedaulatan Brunei dan mempertahankan keutuhannya," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat turut menyentuh dan menekankan mengenai perlembagaan Rabithah menurut Fasal V paragraf (c) - objektif, iaitu untuk menyatukan semua bekas pelajar Universiti al-Azhar dan mana-mana institusi di bawah naungan Universiti al-Azhar, Republik Arab Mesir dan menjadi saluran penghubung di antara Ahli-ahli Rabithah Antarabangsa Alumni al-Azhar Brunei Darussalam dengan Rabithah Alumni al-Azhar di peringkat pusat dan antarabangsa

serta menggalakkan mereka memberikan perkhidmatan *extra miles* kepada ummah dan negara.

Maklumat yang diperoleh setakat ini mencatatkan bahawa sejak tahun 1959 hingga 2017 ada seramai 734 pelajar al-Azhar dengan biasiswa kerajaan, terdiri daripada 482 perempuan dan 252 lelaki.

Namun perlu ditegaskan lagi jelas Yang Berhormat, bahawa 734 orang itu adalah pelajar biasiswa semenjak tahun 1959 hingga 2017, belum termasuk pelajar persendirian yang bilangannya dianggarkan lebih ratusan orang serta jurusan-jurusan pengajiannya juga signifikan.

"Tentu sekali maksud menyatukan semua bekas pelajar menurut objektif paragraf (c) itu bermaksud menyatukan mereka seramai yang ada itu ke dalam Rabithah sebagai saluran menghubungkan mereka dengan Rabithah di peringkat pusat dan antarabangsa serta menggalakkan mereka memberikan perkhidmatan *extra miles* kepada ummah dan negara," ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Dengan adanya usaha untuk meramaikan lagi bilangan ahli sehingga sekurang-kurangnya mencecah 50 - 70 peratus semua jurusan pengajian, maka barulah layak Rabithah cawangan Brunei Darussalam ini mendakwa

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Masri Osman

mewakili bilangan terbanyak (majoriti) lepasan-lepasan al-Azhar Brunei dalam pemyataannya yang menyatakan pandangannya mengenai sesuatu perkara atau isu sekiranya ia ingin menyatakan atau diminta memberikan pendapat dan pandangannya.

Perkara lain yang turut disentuh ialah mengenai objektif paragraf (g) - 'memberi pandangan dan konsultasi dalam bidang keagamaan kepada mana-mana pihak yang memerlukan', namun tidaklah pada memasuki bidang atau ruang pandangan dan konsultasi yang berupa hukum hakam dan bersifat fatwa. Ini adalah kerana ehwal fatwa adalah bidang kuasa Majlis Ugama Islam dengan Jawatankuasa Khasnya yang dipengerusikan oleh Mufti Kerajaan khasnya.

Sejak tahun 1963, Universiti al-Azhar, Mesir melahirkan seramai lebih kurang 650 graduan dari Negara Brunei Darussalam, di mana anak tempatan yang pertama lulus dari universiti ialah Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin dalam jurusan Syariah. Mereka ini memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pembangunan Islam di Negara Brunei Darussalam.

## Majlis Khatam Al-Quran sempena 31 tahun Penubuhan Hospital PIHM



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar (empat, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena 31 Tahun Penubuhan Hospital PIHM.**

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**TEMBURONG,** Khamis, 30 Ogos. - Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam (PIHM), Temburong mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena 31 Tahun Penubuhan Hospital PIHM di Surau hospital berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; Pemangku

Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abd. Latif; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Muhammad Khairul Shahrol bin Haji Duahim; pengarah-pengarah; pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kesihatan; pegawai dan kakitangan hospital berkenaan.

Majlis didahului dengan Khatam Al-Quran dan bacaan Doa Kesyukuran, seterusnya Sambahyang Fardu Asar Berjamaah yang dipimpin oleh Guru Ugama Hospital PIHM, Temburong, Awang Abdul Salim bin Haji Tuah.